

Tajuk Disertasi :

" KAJIAN RUANG TAMU (LOBBY) DI BANGUNAN HOTEL "

KES KAJIAN : HOTEL PARK ROYAL, KUALA LUMPUR.

Disertasi ini telah dihantar kepada Jabatan  
Senibina, Institut Teknologi MARA, sebagai memenuhi  
syarat mata pelajaran ARC 392 - Disertasi.

Disediakan oleh :

Nama : Sairie bin Tarman  
K.P ITM : 87706083  
Kursus : Diploma Senibina  
Tahun/Semester : 3 / 06  
Sessi : Julai - Disember 1990  
Kajian : Kajian Senibina, Perancangan dan  
Ukur, ITM Shah Alam,  
Selangor, Darul Ehsan.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR.

---

Ini adalah disahkan bahawa Disertasi ini telah disediakan oleh :

Nama : Sairie bin Tarman  
K.P ITM : 87706083

Disertasi ini telah dibaca dan disemak oleh :

Penasihat/Penilai : En. Bakar  
Penyelia/Penyelaras : Pn. Nakhiah Mohd. Amin

.....  
T. tangan Penasihat/Penilai

.....  
Tarikh

  
.....  
T. tangan Penyelias/Penyelaras

18/7/91  
.....  
Tarikh

## PRAKATA

---

Bidang senibina merupakan suatu bidang yang tiada batasannya. Berbagai kajian dan penyelidikan perlu dilakukan untuk menghasilkan suatu rekabentuk yang menarik serta dapat berfungsi dengan berkesan.

Setiap ruang yang dihasilkan mempunyai nilai-nilai estetikanya yang tersendiri. Keberkesanan setiap ruang tidak bergantung kepada saiz ruang tersebut. Sebaliknya perancangan yang teraturlah yang menjadikan setiap ruang itu dapat berfungsi dengan berkesan. Menyedari akan hakikat inilah maka kajian terhadap ruang tamu (lobby) di bangunan hotel dibuat.

Memandangkan ruang tamu (lobby) merupakan sebahagian daripada ruang utama yang terdapat di setiap bangunan hotel, maka kajian secara terperinci dibuat untuk mengetahui keunikan ruang tersebut dengan lebih dekat dan mendapat manfaat daripadanya.

Pada amnya ruang tamu (lobby), mempunyai imejnya yang tersendiri. Imej inilah yang akan menimbulkan perbezaan diantara setiap ruang tamu di bangunan hotel disekitar Kuala Lumpur. Keberkesanan imej bagi setiap

## ISI KANDUNGAN

---

Kandungan	Muka surat
Prakata	1
Penghargaan	iii
<b>BAB 1 : Pendahuluan</b>	
1.1- Skop kajian	1
1.2- Objektif kajian	1
1.3- Sebab mengadakan kajian	2
1.4- Methodologi	2
<b>BAB 2 : Pengenalan</b>	
2.1- Definasi ruang tamu	4
2.2- Faktor keberkesanan	6
<b>BAB 3 : Perancangan ruang tamu</b>	8
<b>BAB 4 :</b>	
4.1- Peranan ruang tamu	17
4.2- Ruang tamu dalam persekitaran mempengaruhi psikologi	18
4.3- Sikap pelawat	20
<b>BAB 5 : Pengamatan mengenai ruang tamu.</b>	
5.1- Penggunaan bahan kemasan	21
5.2- Sistem pencahayaan	22
5.3- Fokus utama	24
5.4- Pintu masuk utama	26

## BAB 1: PENDAHULUAN

---

### 1.1- SKOP KAJIAN

Skop kajian yang diutarakan di dalam disertasi ini hanyalah menumpukan kepada kajian terhadap ruang tamu (lobby) di bangunan hotel sahaja. Perkara-perkara yang dibincangkan di dalam kajian ini adalah berhubung mengenai perancangan ruang tamu serta kesan yang diperolehi daripada ruang tersebut. Disamping itu juga contoh sebuah ruang tamu diambil untuk menjelaskan lagi segala penerangan yang telah dibuat. Kajian mengenai contoh ruang tamu diambil di bangunan Hotel Park Royal, Kuala Lumpur.

### 1.2- OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian yang dibuat mempunyai objektifnya yang tertentu. Begitu juga dengan kajian ini. Antara objektif kajian ini dibuat adalah:

- Untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi apakah yang dimaksudkan dengan ruang tamu.
- Mengetahui mengenai perancangan ruang tamu di sesebuah bangunan hotel.
- Supaya dapat mengetahui bagaimana setiap bahan kemasan itu dihubungkan penggunaannya untuk menimbulkan keharmonian pada ruang tamu.